

Headline	Pegang amanah pendeposit		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 May 2015	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	27	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	390 cm ²
Journalist	Hairulazim Mahmud	AdValue	RM 15,124
Frequency	Daily	PR Value	RM 45,371



Pegang amanah pendeposit

■ TH pastikan jemaah haji Malaysia terus nikmati subsidi hasil keuntungan pelaburan syarikat

Oleh Hairulazim Mahmud

Lembaga Tabung Haji (TH) akan memastikan jemaah haji Malaysia terus menikmati subsidi hasil keuntungan pelaburan syarikat penyimpanan dana umat Islam berkenaan, kata Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH Tan Sri Ismee Ismail.

Beliau berkata, TH adalah institusi unik yang ditubuhkan pada 1969 kerana menjalankan dua tugas penting iaitu pengurusan haji dan pelaburan.

"Yang menghubungkan kedua-dua elemen penting ini ialah subsidi bagi membolehkan jemaah haji menunaikan ibadat di Tanah Suci dengan bayaran yang minimum iaitu sekarang RM9,980 sedangkan kos sebenar seorang jemaah haji sekarang ialah RM19,000," katanya di Ibu Pejabat TH, di sini, kelmarin.

Ismee berkata, TH ditubuhkan di bawah Akta Lembaga dan Urusan Tabung Haji 1969 bukan saja untuk menguruskan pemergian jemaah haji ke Tanah Suci, malah ia juga berfungsi sebagai suatu badan alternatif kepada umat Islam negara ini untuk menyimpan wang sambil melabur secara halal dan mematuhi syariat Islam.

Beliau berkata, subsidi yang dibayar untuk jemaah haji meningkat setiap tahun

kerana itu pihaknya akan memastikan unjuran pelaburan syarikat penyimpanan dana itu terus meningkat dari tahun ke tahun.

"Pada 2009 subsidi adalah RM2,680 setiap jemaah dan pada tahun ini ia naik kepada RM7,290," katanya.

Katanya lagi, peningkatan kos perbelanjaan di Makkah kebelakangan ini khususnya tidak dapat dijangkakan dan situasi itu berlaku sejak kota suci tersebut memulakan proses pembangunan semula secara besar-besaran beberapa tahun lalu.

"Kerana itu saya amat menekankan kepada semua pegawai dan kakitangan bahawa kami memegang amanah umat Islam seramai 8.7 juta pendeposit dengan dana simpanan RM57 bilion dan amanah itu untuk memastikan umat Islam Malaysia melaksanakan ibadat haji mereka dengan sempurna," katanya.

Beliau menegaskan sebab itu semua pelaburan yang dilakukan TH mematuhi piawaian syariah selain diaudit oleh Ketua Audit Negara.

Katanya, sebagai badan korporat milik umat Islam TH mempunyai empat bahagian pelaburan berdasarkan Strategi Peruntukan Aset iaitu ekuiti atau saham tercatat dan tidak tercatat (50 peratus), pendapatan tetap

iaitu sekuriti pendapatan dan sukuk (20 peratus), hartanah (10 peratus) dan tunai (20 peratus).

Dalam pada itu, Ismee berkata, setiap ringgit simpanan setiap pendeposit TH dijamin kerajaan.

Justeru, katanya, umat Islam tidak perlu bimbang dengan wang mereka kerana ia memperoleh jaminan oleh kerajaan berdasarkan undang-undang.

Beliau berkata, dana milik pendeposit tidak pernah hilang atau terjejas sejak syarikat berkenaan ditubuhkan.

"Amanah ini akan dipastikan memberikan manfaat kepada umat Islam kerana itu kita berjaya memberikan bonus yang tertinggi iaitu 6.25 peratus kepada 8.6 juta pendeposit bagi tahun kewangan 2014," katanya.

Katanya, pembayaran bonus itu adalah tertinggi sejak penubuhan TH iaitu RM3.2 bilion membabitkan peningkatan 23 peratus, berbanding RM2.6 bilion pada tahun sebelumnya.

Mengulas ringkas isu kontroversi pembelian tanah di Tun Razak Exchange (TRX) sehingga mengakibatkan kononnya berlaku pengeluaran simpanan secara besar-besaran oleh pendeposit, beliau berkata, tidak ada akaun yang ditutup berikutan kes tersebut.

Bagaimanapun, beliau mengakui jumlah transaksi wang masuk bersih berkurangan pada bulan ini iaitu RM40 juta berbanding purata lebih RM70 juta antara Januari dan April.

"Transaksi keluar juga ada peningkatan RM50 juta, naik sedikit berbanding RM49 juta sebelum itu," katanya.

Sehubungan itu, beliau yakin umat Islam akan terus menyokong TH berdasarkan prestasi cemerlang organisasi berkenaan sebelum ini.

"Yang paling penting kita melaksanakan amanah dan simpanan pendeposit dijamin kerajaan selain kita sentiasa peka dan sensitif dengan kehendak pendeposit," katanya lagi.

Beliau berkata, kekuatan TH juga banyak disumbangkan oleh komitmen kerajaan yang terus menyokong institusi dana milik umat Islam itu.

"Sokongan dan kehendak politik mendokong TH amat penting," katanya.

TH sebelum ini dikritik berikutan pembelian sebidang tanah seluas 0.63 hektar milik 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di TRX berharga RM188.5 juta sebelum menjual semula dengan jangkaan keuntungan lebih RM5 juta.

Pembelian itu dikatakan mahu membantu menyelamatkan akaun 1MDB.

Headline	Pegang amanah pendeposit		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 May 2015	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	27	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	390 cm ²
Journalist	Hairulazim Mahmud	AdValue	RM 15,124
Frequency	Daily	PR Value	RM 45,371

